

PROGRAM KITAR SEMULA BAHAN BUANGAN SISA DAPUR

APAKAH ITU KOMPOS

- ✓ Pengkomposan merupakan kaedah yang mampu menguruskan sampah organik seharian kita.
- ✓ Hampir 45 peratus daripada sampah sarap di rumah kita setiap hari terdiri daripada sayur-sayuran dan sisa makanan.
- ✓ Menjadi kelaziman bahawa sampah akan terus dilonggokkan dalam satu beg plastik berserta dengan sampah-sampah yang lain.
- ✓ Campuran bahan-bahan buangan atau sisa pertanian yang mereput serta terurai melalui proses penguraian bakteria menjadi baja semula jadi yang baik untuk kesuburan tanah.
- ✓ Pengkomposan dapat meneruskan kelestarian alam sekeliling kita selain amat menjimatkan malahan ianya adalah percuma sahaja.
- ✓ 2012 yang melibatkan penduduk seksyen 10 dan 11.




APAKAH ITU EM

- ✓ EM menggunakan bakteria yang berguna untuk menguraikan sisa makanan menjadi hasil tanaman yang mesra alam. Bacteria-bacteria ini akan membantu memusnahkan bakteria yang tidak diperlukan dalam tanah semasa proses penanaman. Antara bakteria yang terdapat dalam EM dan Bokashi adalah :


✓ ASID BAKTERIA LAKTIK

Bertindak sebagai menghalang pertumbuhan mikroorganisma patogenik dan lain-lain pelbagai mikroorganisma dengan merendahkan pH. Bacteria asid laktik secara meluas dikenali dalam pengeluaran makanan ditapai seperti keju dan yogurt yang boleh secara semula jadi dipelihara untuk tempoh masa yang panjang.



✓ YIS

Dikenali sebagai starter penapaian, dan juga menghasilkan banyak agen biologi aktif seperti asid amino dan polisakarida.



✓ PHOTOTROPHIC BAKTERIA

Menguraikan gas yang berbahaya seperti ammonia dan hidrogen sulfida dan menukarkan gas-gas yang tidak berbau.



APAKAH ITU BOKASHI

- ✓ Adalah perkataan Jepun iaitu "bahan organik yang ditapai."
- ✓ EM Bokashi ialah bahan organik yang diperbuat daripada EM, sirap pekat, air dan organik yang murah (karbon tinggi) bahan seperti beras atau dedak gandum, habuk kayu, daun kering, dan lain-lain
- ✓ Bokashi EM akan menapai sisa makanan, mencegah ia dari reput, dan dengan itu menghapuskan bau atau tarikan kepada lalat.

PENGGUNAAN EM UNTUK HAIWAN



EM dapat menyahkan bau dan juga dapat membuat bulu binatang kelihatan berkilat.

PENGGUNAAN EM UNTUK KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI RUMAH



EM dan campuran air boleh digunakan untuk kerja-kerja pembersihan di rumah. Ia juga dapat mengelakkan bahan dari berdebu dan rosak. EM juga boleh menghilangkan bau dan membersihkan tandas tanpa menggunakan "chemical detergents"

APLIKASI HASIL PENGGOMPOSAN EM

PENGGUNAAN EM UNTUK TANAMAN DAN BUNGA



EM dan baja organik boleh digunakan untuk menanam sayur. Ia dapat meningkatkan tumbesaran tanaman, memulihkan tanah yang bermasalah dan mempercepat kualiti baja kompos.

